

DATE: 25/10/2009

Sempena Persidangan dan Pameran Jenayah Perang Antarabangsa:
Menjadikan Peperangan Satu Jenayah (28-31 Oktober 2009)

Menjadikan kekejaman perang jenayah antarabangsa

BH - 25/10/2009



ahmadnaim@bharian.com.my

Usaha Kuala Lumpur sedarkan masyarakat dunia kemusnahan, kesengsaraan akibat peperangan



“ Kita boleh mencadangkan supaya sesiapa yang ingin jadi calon pilihan raya presiden, kongres atau Ahli Parlimen di negara yang ada kekuatan ketenteraan, perlu berikrar tidak akan guna peperangan untuk selesaikan masalah ”

Tun Dr Mahathir Mohamad
Pengasas Perdana Global Peace Organisation (PGPO)

li ini lebih besar bagi menyokong usaha PGPO untuk mengubah persepsi masyarakat antarabangsa supaya melihat dan menerima perang sebagai jenayah, bukan lagi membiarkan sesebuah negara menindas negara lain.

“Kami mahu menjadikan perang itu satu jenayah dan mereka yang memulakan perang untuk menyelesaikan masalah dianggap sebagai penjenayah,” kata bekas Perdana Menteri.

Persoalan yang timbul ialah bagaimana mahu menjadikan perang itu jenayah jika ia diputuskan oleh kerajaan sesebuah negara seperti kegelojohan Amerika Syarikat ketika diterajui Presiden George W Bush menyerang Iraq.

“Saya sedar ini (menjadikan perang satu jenayah) adalah perkara besar dan kita cuma Malaysia...orang kecil, tetapi saya berpendapat mereka yang faham mengenai keganasan dan keburukan perang akan beransur-ansur mengalih pemikiran,” katanya.

Bagi Dr Mahathir, contoh paling mudah bagi persoalan itu ialah dengan merujuk amalan perhambaan dan perdagangan hamba abdi yang secara kebetulan amat meluas di negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Britain ketika itu.

“Kalau dulu dalam soal perhambaan, yang amalkan perhambaan dan perdagangan hamba ialah negara kuasa besar, tetapi apabila ada tentangan kuat melalui suara rakyat, melalui undi (pilihan raya), beransur-ansur pemikiran bertukar.

“Kita boleh mencadangkan supaya sesiapa yang ingin jadi calon pilihan raya presiden, kongres atau ahli Par-



KANAK-KANAK Palestin di depan runtuhan bangunan yang musnah selepas serangan Israel ke atas Gaza, Januari lalu.

limen di negara yang ada kekuatan ketenteraan, perlu berikrar tidak akan guna peperangan untuk selesaikan masalah.

“Kalau kita bagi sokongan kepada orang seperti ini, kita akan mendapat Parlimen yang dipenuhi pemimpin antiperang dan mereka boleh menggubal undang-undang mencegah perang. Ini yang membuatkan amalan perhambaan dihapuskan dulu,” katanya.

Katanya, bekas Ahli Parlimen Britain, William Wilberforce pada era 1759-1833 berusaha selama 20 tahun sebelum berjaya menghentikan perdagangan hamba di negaranya.

Usaha Wilberforce itu turut menarik suara ramai yang berpendapat amalan perhambaan tidak sepatutnya dilakukan manusia bertamadun, sekali gus memaksa pedagang menghentikan amalan sepenuhnya.

“Suatu hari nanti mungkin kita akan dapati ramai orang jadi mangsa perang. Dulu perang ialah antara tentera dan tentera di medan, sekarang seluruh negara jadi medan perang.

“Bila nak letupkan bom, mereka tidak pilih askar atau bukan askar... tak peduli orang tua, muda, orang sakit, lelaki atau perempuan, semua sekali kena. Atas sebab itu, perang

patut dihapuskan demi kepentingan semua,” katanya.


Jangkaannya, matlamat untuk menjenayahkan perang tidak akan mengambil masa lama sekiranya masyarakat dunia dapat disedarkan mengenai bahaya peperangan dan kesan buruknya kepada semua aspek kehidupan.

Jika perang pada zaman dulu menggunakan tombak, panah, pisau dan pedang yang mengehadkan kemusnahan, dicipta pula bahan letupan yang mengakibatkan kehancuran lebih besar dan sekarang kebolehan memusnahkan dunia dicipta melalui bom nuklear.

“Kalau AS nak hancurkan dunia, ia boleh dengan senjata yang kuat dan tidak memilih mangsa. Kalau perang nuklear, semua jadi mangsa. Kalau tak diletupkan di sini, angin akan bawa radiasi dan kita dapat penyakit seperti kanser.

“Apabila Hiroshima diletupkan dengan bom atom dulu, mangsa yang mati serta-merta 50,000 orang, tetapi sekarang jumlahnya sampai 200,000 orang kerana kesan radiasi.

“Kalaulah ada seorang presiden (negara nuklear) kurang betul sikit, tekan butang saja (senjata nuklear), habis kita semua. Saya fikir orang ramai akan faham kalau kita ce-



MUSLIM Bosnia Herzegovina menunaikan solat jemaah untuk mangsa perang di Potocari, Srebrenica pada 2005.

DATE: 5/10/2009

BH PILIH 31A 25 (emel)



PERHIMPUNAN mengutuk serangan Israel ke atas Palestin dan Lubnan di depan Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur, Julai 2006.



SEORANG penduduk menolong budak perempuan yang cedera selepas Amerika Syarikat menyerang Iraq pada 2003.

ritakan inilah yang akan berlaku," katanya.

Justeru, fokus utama PGPO ialah mengubah minda masyarakat sejagat yang selama ini menerima dan menganggap perang perkara biasa walaupun dunia sekarang kononnya bertamadun sehingga sesetengah negara menghapuskan hukuman mati bagi penjenayah.

"Dalam hal ini, peranan NGO amat penting untuk mempengaruhi minda masyarakat supaya menolak perang, sekali gus memberi tekanan kepada pemimpin agar tidak menggunakan cara itu bagi menyelesaikan masalah.

"Hukuman mati di sesetengah negara dihapuskan kerana pada mereka, membunuh itu teruk walaupun menghukum penjenayah, tetapi pada masa sama mereka tidak berasa apa-apa apabila beratus ribu manusia dibunuh dalam perang," katanya.

Bagi Dr Mahathir, usaha itu tidak boleh bergantung kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang mempunyai banyak kecacatan, tambahan pula kuasa veto diberikan kepada lima negara untuk menafikan suara seluruh dunia.

"Bush dan Blair (bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair) kete-

pikan PBB. Yang jadi masalah kepada kita kuasa besar selalu cakap pasal keadilan, hak asasi, hak untuk hidup, tetapi mereka pecahkan standard moral itu," katanya.

Contoh terbaik, jelasnya, ialah tindakan AS dan sekutunya menyerang Iraq atas alasan kononnya bagi mempertahankan diri, mencari senjata pemusnah besar-besaran (WMD) serta menghapuskan rangkaian al-Qaeda selepas peristiwa 11 September 2001.

"Perang untuk mempertahankan diri tak apa, tetapi apa dilakukan AS ialah perang agresif. Penyerang dalam tragedi 11 September orang Arab Saudi, kenapa AS tak serang Arab Saudi, tetapi Iraq... kerana AS ada agenda tersendiri," katanya.

Ramai berpendapat perang juga tercetus kerana perniagaan, penjualan senjata menjana perolehan bilion ringgit kepada kapitalis, tetapi faktor itu juga mampu ditolak jika masyarakat dunia bersatu menentang peperangan.

"Sekarang, banyak jenayah perang dilakukan di negara seperti Iraq, Afghanistan dan Palestin, tetapi penjenayah yang melancarkan perang itu tidak langsung dipersoal atau dibicarakan.

"Atas sebab itu, kami menubuh-

kan Suruhanjaya Perang Kuala Lumpur dan tribunal untuk mendengar keterangan mangsa perang. Kalau ada kes, tribunal akan adakan perbicaraan... tentunya tanpa kehadiran tertuduh, tetapi ia bukan luar biasa.

"Saya juga difahamkan di England sekarang ada pemimpin dan aktivis terkemuka di sana juga akan menubuhkan tribunal sebab mereka tahu kerajaan mereka tidak akan buat apa-apa... mereka mahu bawa Blair ke muka pengadilan," katanya.

Dr Mahathir yakin internet mampu menjadi senjata mendapatkan sokongan sejagat, selain bantuan rangkaian NGO keamanan dan antiperang seluruh dunia kerana sukar mendapat tempat dalam media antarabangsa yang rata-rata dikuasai Barat dan Yahudi.

"Saya pernah lalui zaman penjajahan Jepun dan juga Siam, saya tahu azab perang. Saya tak akan tengok (kejayaan menjadikan perang satu jenayah), tetapi kerana saya tak dapat tengok, tidak bermakna kita tak harus berusaha," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai PGPO, layari laman web www.perdana4peace.org dan www.criminalisewar.org



KANAK-KANAK Afghanistan di pusat orthopedik di Kabul. Ramai Kanak-kanak di negara itu cacat anggota badan angkara perang dan konflik.



LE THI NHON (kiri) dan adiknya, Le Thi Hoa cacat akibat kesan bahan kimia toksik yang digunakan dalam perang antara Amerika Syarikat dan Vietnam.